

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional Kementerian mengumumkan cadangan menggabungkan dua buah universiti di Terengganu iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 April 2019 telah mencadangkan supaya kedua-dua universiti ini digabungkan kerana mengambil kira beberapa faktor terutamanya untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, memberi nilai tambah kepada mahasiswa, fakulti serta komuniti setempat.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) untuk memastikan proses penggabungan ini dapat dilaksanakan dengan efisen dan efektif.

Melalui perbincangan awal pada 26 dan 27 September 2019, UMT dan UniSZA telah bersetuju untuk menggunakan peluang penggabungan ini bagi memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti.

Beberapa sesi libat urus awal juga telah diadakan bersama-sama pihak berkepentingan universiti iaitu Pengerusi LPU, pengurusan tertinggi, wakil-wakil staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan, mahasiswa dan alumni.

Kementerian juga telah mendapatkan maklumbalas daripada wakil-wakil agensi persekutuan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sesi libat urus bersama Gabungan Majlis Presiden Dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti/IPTA Malaysia (GAKUM) juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas awal tentang proses penggabungan ini.

Dapatan awal perbincangan dengan pihak berkepentingan ini telah memperlihatkan keupayaan dan potensi UMT dan UniSZA sebagai sebuah universiti baharu yang menjadi peneraju terulung dalam

## **NO. SOALAN: 19**

integrasi keilmuan Islam dan sains terutamanya dalam bidang Ilmu Peradaban Islam dan Sains Kelautan. Ini termasuk:

- a) Melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan;
- b) Melipat ganda kapasiti, keberhasilan dan impak sumber manusia, kepakaran dan fasiliti universiti;
- c) Perluasan akses dan kemudahan, fasiliti, infrastruktur kepada para pelajar dan kakitangan. Perluasan akses dan kemudahan ini akan mempertingkatkan kualiti pembangunan pelajar dari segi akademik dan sahsiah; dan
- d) Menjadi sebuah pusat rujukan kebitaraan di peringkat global dalam era merentas disiplin (transdisciplinary).

Penggabungan ini dijangka bakal memperkasakan hub pendidikan tinggi di negeri Terengganu serta memperkuuhkan kebitaraan bidang fokus sedia ada. Dalam masa yang sama ia juga akan mengembangkan kebitaraan bidang fokus baharu dapat yang diwujudkan melalui aktiviti transdiciplinary.

Walaubagaimanapun, Kerajaan akan memastikan penggabungan ini tidak akan merugikan mana-mana pihak yang terlibat kerana ia dapat melonjakkan prestasi dan pencapaian universiti ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama, perkara ini masih di dalam peringkat Jawatankuasa Pemandu. Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan akan diteruskan bagi melibatkan lebih ramai pemegang taruh dalam proses perbincangan.

Sekian, terima kasih.